



BAB 3

Menggalakkan Pertumbuhan
Mampan Dan Berdaya Saing

3 MENGGALAKKAN PERTUMBUHAN MAMPAN DAN BERDAYA SAING

3.1 WKN sebagai Wilayah Urbanisasi Tertinggi di Malaysia

WKN merupakan kawasan tumpuan pembangunan di Malaysia pada masa kini dengan 36.1% daripada KDNK negara pada tahun 2014 dan dianggarkan akan terus meningkat pada masa hadapan. Wilayah ini juga merupakan kawasan tumpuan penduduk dan peluang pekerjaan utama negara iaitu 29.2% daripada jumlah penduduk Semenanjung Malaysia pada tahun 2015. Kadar urbanisasi WKN jauh lebih tinggi berbanding urbanisasi negara iaitu 96.4%. Bahkan menjelang tahun 2040, wilayah ini akan dilimpahi dengan bilangan penduduk yang melebihi 10 juta orang dengan kadar urbanisasi 97.6% pada tahun 2040.


Perkembangan WKN bermula sejak tahun 1980an lagi di mana pada abad ini pembangunan adalah menjurus ke arah timur konurbasi iaitu di kawasan pantai dan terus berkembang ke arah selatan Selangor dan utara Negeri Sembilan pada tahun 1990 berfaktorkan kepada pembangunan mega Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Putrajaya. Namun demikian, perkembangan WKN melibatkan perubahan guna tanah terutamanya guna tanah pertanian dan hutan kepada kawasan pembangunan atau tepu bina di mana ia perlu dikawal bagi mencapai pembangunan yang mampan.

Pembangunan WKN secara keseluruhan dilihat boleh terus kekal berdiri sebagai sebuah wilayah yang berdaya saing dan mampan sama ada di peringkat negara mahupun di peringkat global.


Pertumbuhan WKN 1984-2016

Pertumbuhan Konurbasi Nasional sebelum tahun 1980 adalah ke arah timur dan mula berkembang ke arah selatan sejak dari tahun 1990 sehingga kini.


1984




1990





2000



2010



2016



Sumber:
1. <http://www.clickondetroit.com>
2. Kajian Rancangan Wilayah Konurbasi Nasional, 2017

Perubahan Guna Tanah

Kawasan tepu bina telah meningkat daripada tahun 2006 iaitu 90,600 hektar, tahun 2008 149,594 hektar dan tahun 2015 iaitu 171,408 hektar (rujuk Rajah 3.1 dan 3.2). Perkembangan pembangunan WKN melibatkan pertukaran guna tanah kawasan hutan dan kawasan pertanian kepada guna tanah perumahan, komersial dan aktiviti perbandaran. Kawasan perumahan dan komersial dijangka akan meningkatkan sebanyak 117% dan 106% pada masa hadapan. Kawasan pertanian dijangka akan menurun sebanyak 40% pada masa hadapan.


Rajah 3.3 dan Rajah 3.4 menunjukkan kepada aktiviti guna tanah semasa dan masa hadapan. Kawasan bandar dijangka akan berkembang ke beberapa kawasan seperti berikut:

- Bahagian utara Daerah Gombak;
- Bahagian utara Daerah Klang;
- Bahagian tengah Daerah Kuala Langat; dan
- Bahagian bersempadanan antara Negeri Sembilan.

Rajah 3.1 : Perubahan Guna Tanah Tepu Bina (Dari tahun 2006 - 2015)

Sumber:


1. Rancangan Fizikal Negara, 2006
2. Rancangan Fizikal Negara Ke-2, 2010
3. Rancangan Fizikal Negara Ke-3, 2015




Rajah 3.2 : Corak Perubahan Guna Tanah 2015 - 2020

Sumber:


1. PLANMalaysia, 2016
2. Kajian Rancangan Wilayah Konurbasi Nasional, 2017



Rajah 3.3: Guna Tanah Semasa, 2015



Rajah 3.4: Zon Guna Tanah Masa Hadapan



3.2 Hubungan di antara Pembangunan Spatial dan Ekonomi

Dari segi pembangunan kawasan seperti WKN, corak dan strategi pembangunan ekonomi dan spatial mempunyai hubungan yang erat.

Bagi mencapai objektif pembangunan WKN iaitu meningkatkan tahap mampan dan daya saing, strategi ekonomi dan strategi spatial harus diguna pakai bersama dan secara konsisten.

Keseluruhan aspek strategi spatial seperti corak dan jenis guna tanah, kepadatan guna tanah, sistem perbandaran, sistem jaringan dan perhubungan antara bandar mempunyai implikasi yang langsung dan kukuh terhadap prestasi dan struktur ekonomi WKN.

Pada masa yang sama perkembangan ekonomi dan transformasi struktur ekonomi bandar dan sub bandar mempunyai kesan yang kuat terhadap corak dan kepadatan pembangunan guna tanah dalam WKN.

Struktur Dan Prestasi Ekonomi WKN

Tahap KDNK


Pada tahun 2014, 37.4% KDNK Negara tertumpu di WKN. Pada abad yang lalu (data bagi tahun 2003 – 2014) KDNK WKN meningkat pada kadar 2% lebih tinggi berbanding dengan kadar pertumbuhan dalam Malaysia keseluruhannya.

Jika perbezaan ini berterusan, ini bermakna tumpuan pembangunan Negara di WKN akan terus bertambah.


Rajah 3.5 : KDNK Perkhidmatan Kewangan dan Perniagaan di Kuala Lumpur dan Bandar Lain Di Malaysia

Sumber: Achieving a System of Competitive Cities in Malaysia (Main Report), 2015


WKN (Kecuali Daerah Kuala Langat)



JOHOR BAHRU



GEORGE TOWN



Kadar peningkatan KDNK dalam WKN adalah satu wilayah yang terbesar berbanding dengan kawasan konurbasi lain di Asia termasuk Jakarta, Bangkok, Hong Kong, Seoul, Tokyo dan lain-lain.

Struktur Ekonomi

Sungguh pun sumbangan sektor pembuatan berkurangan, sektor ini masih menyumbang sebanyak sekitar 30% dari KDNK dan jumlah pekerjaan dalam WKN

Sumbangan sektor perkhidmatan terutamanya sektor kewangan dan perkhidmatan perniagaan, pengangkutan dan ICT terus meningkat.

Tahap Produktiviti

Kebergantungan terhadap industri pembuatan di WKN adalah punca utama tahap produktiviti yang rendah berbanding dengan kota-kota besar dan lebih maju di Asia seperti Singapura, Hong Kong dan Tokyo.

Tahap Densiti Ekonomi

(*Economic Density*)


Densiti ekonomi di sesuatu konurbasi diukur berasaskan nilai KDNK dalam satu km² atau jumlah pekerja dalam satu km².

Densiti ekonomi yang dianggap rendah dalam WKN berbanding dengan bandar-bandar yang lebih maju ada kaitannya dengan tahap produktiviti yang agak rendah di WKN.

Densiti ekonomi dan fizikal yang tinggi dapat mengurangkan kos pengangkutan dan membina kluster industri yang lebih terancang. Faktor ini dapat meningkat tahap komunikasi dan aliran pengetahuan yang formal dan tidak formal (*Tacit knowledge*) membawa kepada peningkatan daya saing kluster industri dalam sesebuah bandar.

Rajah 3.6: Kepadatan Pekerjaan Bandar di Malaysia dan Bandar-bandar Lain Pada Tahun 2015

Sumber: Achieving a System of Competitive Cities in Malaysia (Main Report), 2015



3.3 Cadangan

Bagi memastikan pertumbuhan ekonomi WKN yang dinamik dan berterusan serta mempunyai corak pertumbuhan spatial yang mampan, WKN harus memberi tumpuan untuk menggalakkan pertumbuhan mampan dan berdaya saing seperti berikut:

5

Terdapat Lima (5) Cadangan WKN Bagi Menggalakkan Pertumbuhan Mampan Dan Berdaya Saing

MB1

Memperkukuh Kluster Kecemerlangan Sebagai Pemangkin Bagi Pertumbuhan WKN

MB2

Memperkukuh Pusat Bandar Sebagai Penjana Ekonomi Berdaya Saing

MB3

Memperkukuh Sub Bandar Sebagai Sokongan Pembangunan WKN yang Mampan

MB3

Menggalak integrasi Spatial, Fungsi Dan Kerjasama Di Antara Wilayah

MB3

Memperkukuh Sistem Perbandaran dan Corak Pertumbuhan Spatial Wilayah

Elemen-elemen pembangunan yang bersifat merentasi sempadan ini diklasifikasikan sebagai elemen yang dimanfaatkan atau dikongsi bersama. Walaupun terdapat 12 teritori pengurusan di wilayah ini, elemen pembangunan merentasi sempadan ini merupakan faktor utama perlunya pengurusan yang bersepadu antara pelbagai agensi terlibat dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) khususnya.

Kluster Kecemerlangan Utama

- Kluster Pelancongan (KKC 1)
- Kluster Pendidikan (KKC 2)
- Kluster Logistik (KKC 3)
- Kluster Industri Pembuatan (KKC 4)
- Kluster Komersial (Perdagangan & Kewangan) (KKC 5)
- Kluster ICT dan lain-lain Teknologi Tinggi (KKC 6)

Bagi mengukuhkan WKN sebagai wilayah mampan dan berdaya saing beberapa elemen yang berfungsi sebagai pemangkin telah dikenal pasti iaitu kluster kecemerlangan (*cluster of excellence*). Terdapat enam (6) kluster kecemerlangan WKN iaitu kluster pelancongan, kluster pendidikan, kluster logistik, kluster industri pembuatan, kluster komersial dan kluster ICT dan lain-lain teknologi tertinggi.

MB1.1: Membangunkan Pelancongan

Kluster

Kluster pelancongan ini merupakan aset bersama yang perlu diperluaskan dan dikembangkan agar dapat dimajukan bersama dengan penduduk tempatan terutamanya bagi penduduk sub bandar/ luar bandar.

Terdapat sebanyak 60% kawasan WKN adalah kawasan sub bandar yang turut didiami orang asli di mana kawasan sub bandar ini diperkaya dengan sumber alam semula jadi dan berpotensi dimajukan sebagai kawasan pelancongan.

Justeru itu, kluster pelancongan ini perlu dimajukan bersama-sama penduduk sub bandar bagi meningkatkan taraf hidup dan ekonomi setempat serta perancangan dan pengurusan kluster pelancongan ini perlu menggalakkan penglibatan penduduk sub bandar.

Pembangunan kluster pelancongan pada masa kini diurus tadbir oleh setiap PBT dan kerajaan negeri tiada pengurusan bersama di peringkat wilayah. Oleh yang demikian aktiviti dan produk pelancongan WKN adalah dicadangkan dalam beberapa kluster mengikut kategori yang bersesuaian. Rajah 3.8 merupakan kategori kluster pelancongan di dalam WKN.

AGENSI BERKAITAN

Agensi Melaksana

- Jabatan Pengairan Kerajaan Negeri
- Pihak Berkuasa Tempatan
- Kuala Lumpur Tourism Bureau

Agensi Memantau

- Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia
- Tourism Malaysia
- Kementerian Wilayah Persekutuan

Agensi Sokongan


- PLANMalaysia @ Selangor
- Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)

Rajah 3.8 : Jenis-jenis Produk Pelancongan WKN
Sumber: Kajian Rancangan Wilayah Konurbasi Nasional, 2017



1 Jumlah Pelancong di WKN, 2014 dan 2015

Jumlah keseluruhan pelancong di WKN telah menurun sebanyak 2.61% pada tahun 2015. Walaupun jumlah pelancong antarabangsa telah menurun sebanyak 4.97% tetapi jumlah pelancong domestik telah meningkat sebanyak 0.25% iaitu daripada 8,399,713 pelancong pada tahun 2014 kepada 8,420,463 pelancong pada tahun 2015.



Sumber : www.tourism.gov.my/statistics, 2016

2 Indikator Pelancongan

Berbanding dengan bandar utama di luar negara, WKN masih mempunyai ruangan yang besar untuk meningkatkan prestasi sektor pelancongan dari segi jumlah kedatangan, purata perbelanjaan dan purata tempoh penginapan. Walaupun jumlah kedatangan pelancong adalah lebih tinggi berbanding dengan Bandar Sydney dan Vancouver namun begitu purata perbelanjaan pelancong di WKN adalah lebih rendah berbanding dengan bandar tersebut.


Bandar	Kedatangan Pelancong Antarabangsa Tahun 2015 (Juta)	Purata Perbelanjaan Setiap Pelancong Setiap Perjalanan (USD)	Purata Tempoh Penginapan (malam)
Kuala Lumpur	8.5	400-500	3.1
Bangkok	16.4	792	5.0
London	18.7	1,032	6.1
Paris	15.6	1,092	2.8
Seoul	8.6	1,333	6.7
Singapore	12.5	1,147	3.5
Sydney	3.1	1,945	21.9
Vancouver	3.5	725	4.5

Sumber : Pelan Induk Pelancongan Kuala Lumpur 2015-2025

3 Kawasan Food Trail

Kawasan *Food Trail* merupakan salah satu tumpuan dan tarikan pelancongan yang harus diambil kira dalam pembangunan sektor pelancongan. Berikut adalah senarai kawasan *Food Trail* yang dikenal pasti di sekitar WKN.

WILAYAH KONURBASI NASIONAL




Sumber: 1. Kuala Lumpur Tourism Master Plan
2. Kajian Rancangan Wilayah Konurbasi Nasional, 2017

Komponen produk pelancongan adalah saling berkait antara satu sama lain seperti hubung kait eko dan agro pelancongan, desa, pelancongan makanan, pelancongan budaya dan warisan serta pelancongan rekreasi. Walaupun kesemua aspek pelancongan memerlukan usaha pembangunan yang lebih kukuh dari semua pihak berkepentingan namun terdapat lima (5) produk pelancongan (rujuk Rajah 3.10) WKN harus diberi perhatian yang khusus pada masa hadapan iaitu :

- 1 Mempromosikan Kuala Lumpur sebagai pusat budaya dan warisan Melayu yang lengkap dan kukuh;
- 2 Mempromosikan Daerah Hulu Langat dan Gombak sebagai koridor eko pelancongan, agro pelancongan dan pelancongan desa WKN
- 3 Mempromosikan Pulau Ketam, Kuala Langat dan Sepang sebagai koridor pelancongan persisiran pantai dan Pulau
- 4 Meningkatkan dan mempromosi pelancongan sukan dan rekreasi
- 5 Meningkatkan dan mempromosi pelancongan Mesyuarat, Insentif, Konvensyen dan Pameran (*Meetings, Incentives, Conventions and Exhibitions - MICE*)

Rajah 3.10: Pakej Produk Pelancongan WKN

Sumber: Kajian Rancangan Wilayah Konurbasi Nasional, 2017



1. Mempromosikan Kuala Lumpur Sebagai Kluster Budaya Dan Warisan Melayu

Walaupun masih terdapat banyak produk-produk dan aktiviti kebudayaan di WKN, namun Kuala Lumpur masih menjadi pusat budaya utama dalam WKN. Pada masa kini WKN mempunyai pelbagai produk kebudayaan dan warisan termasuk pakaian, makanan, muzik, tempat ibadat, bahasa, seni ukir, seni lukis dan lain-lain yang boleh mencerminkan identiti negara, namun ia tidak diketengahkan dan diberi penekanan utama dalam bidang pelancongan. WKN harus menaiktaraf pusat budaya sedia ada dengan sokongan teknologi moden untuk meningkatkan pretasi persembahan dan kemudahan awam sedia ada serta meningkatkan promosi di serata dunia. Antara pusat-pusat budaya tersebut adalah seperti berikut:


- Muzium Negara-Muzium ini melambangkan kekayaan warisan dan sejarah kebudayaan negara serta menawarkan pelbagai koleksi seperti artifak dan lukisan yang dikumpul dari seluruh negara.
- Dewan Filharmonik Kuala Lumpur-Dewan ini menampilkan barisan pemuzik antarabangsa, persembahan konsert, konsert chamber dan persembahan tradisi kebudayaan.

- Istana Budaya-Teater ini merupakan yang pertama di Asia bagi memasang kelengkapan canggih yang setanding dengan Dewan Albert Diraja di London
- Pentas Seni KL- Pusat seni yang penting bagi seni persembahan, khususnya teater dan muzik (pusat ini juga membolehkan persembahan filem).
- Pasar Seni-la merupakan kumpulan kedai-kedai yang menumpukan kepada hasil kerja tangan traditional seperti batik dan kraftangan yang lain.
- Galeri Seni Negara- Sebagai pusat koleksi seni negara.

Selain itu, satu tempat yang mempunyai potensi dibangunkan sebagai satu kluster budaya, terutama budaya Melayu adalah di Kampong Bharu. Pembinaan satu pusat budaya Melayu yang lengkap dan kukuh di Kampong Bharu akan membentuk salah satu destinasi pelancongan yang unik dan menarik bagi pelancong dari seluruh dunia terutamanya dunia Melayu Nusantara.

Rajah 3.11: Pusat Budaya dan Warisan Kuala Lumpur

Sumber: Kajian Rancangan Wilayah Konurbasi Nasional, 2017



Istana Budaya



Pasar Seni

Agro Pelancongan lebih banyak tertumpu di kawasan Hulu Langat seperti Orchard Santika, Fish Valley Semenyih, Ostrich Wonderland Semenyih, Bamboo Village Hulu Langat dan lain-lain. Produk agro pelancongan ini dapat membantu ekonomi penduduk terutamanya penduduk sub bandar. Eko pelancongan seperti Permatang Kuarza Gombak Selangor, FRIM di Kuala Lumpur, Hutan Rekreasi Ampang, Air Terjun Gabai, Bukit Broga, Sungai Chongkak, Air Terjun Sungai Pisang dan lain-lain lagi juga terletak kebanyakannya di Hulu Langat dan Gombak.

Strategi utama pelancongan ini adalah memastikan tahap kemudahsampaian dipertingkatkan dan saling menghubungkan dengan kemudahan dan produk pelancongan yang lain terutamanya di Kuala Langat.



3. Mempromosikan Pulau Ketam, Kuala Langat dan Sepang Sebagai Koridor Pelancongan Persisiran Pantai dan Pulau


Kuala Langat dan Sepang sebagai koridor pelancongan persisiran pantai dan Pulau Ketam sebagai destinasi pelancongan pulau dapat menawarkan produk yang pelbagai termasuk pelancongan pantai, eko-pelancongan, pelancongan gastronomi, rekreasi dan MICE.

Pembangunan koridor persisiran pantai dan pulau adalah berasaskan beberapa faktor. Faktor utamanya adalah peningkatan bilangan penduduk di dalam WKN. Selain daripada itu, koridor persisiran pantai WKN adalah sebahagian daripada satu koridor persisiran pantai yang merentasi Negeri Sembilan (Port Dickson) dan Melaka. bagi Pulau Ketam, ia merupakan satu-satunya pulau nelayan yang terdapat di WKN serta merupakan pulau hutan bakar yang terbesar di Malaysia. Pulau ini diasaskan pada tahun 1880an dan terkenal dengan rumah terapung yang berketinggian satu hingga 10 meter dari paras laut.

Namun demikian, bagi meningkatkan tahap kemudahsampaian di kawasan tersebut, sistem perhubungan dan rangkaian pengangkutan perlu lebih efektif dan saling berhubung dengan bandar-bandar utama dan kawasan pelancongan yang lain. Walaupun koridor persisiran pantai dan pulau ini tidak mempunyai pantai berpasir yang cantik, pembangunan industri pelancongan masih boleh dipertingkatkan melalui pendekatan yang berintegrasi dan pelbagai. Di antara produk pelancongan yang boleh dipertingkatkan adalah termasuk :

- Gastronomi, terutamanya makanan laut; Pembentukan kluster makanan laut seperti contohnya 'fisherman wharf' di San Francisco boleh dipertimbangkan.
- Agro dan eko pelancongan berasaskan inap desa;
- Rekreasi dan sukan laut / air;
- Pelancongan kesihatan (*wellness*); dan
- Pelancongan Mesyuarat, Insentif, Konvensyen dan Pameran (*Meetings, Incentives, Conventions and Exhibitions - MICE*).

Rajah 3.13 : Koridor Pelancongan Perisiran Pantai WKN
Sumber: Kajian Rancangan Wilayah Konurbasi Nasional, 2017



4. Meningkatkan dan Mempromosi Pelancongan Sukan dan Rekreasi

Pelancongan Sukan

Sukan merupakan salah satu produk pelancongan di dalam WKN yang menjadi salah satu tumpuan utama zon pelancongan di Malaysia. Ini adalah berikutan kemudahan yang disediakan adalah bagi menggalakkan aktiviti sukan di peringkat antarabangsa seperti sukan bermotor dan golf.

Walaupun kontrak perlumbaan F1 di Sepang akan berakhir pada tahun 2017 selepas 19 tahun menjadi salah satu aktiviti sukan antarabangsa di Malaysia, namun sukan lumba bermotor (*Shell Malaysia Motorcycle Grandprix*) masih diteruskan. Malahan telah dicadangkan kawasan sekitar di litar Sepang menjadi zon bandar hiburan (*entertainment city*).

Sukan golf telah disebut di dalam Pelan Transformasi Ekonomi Malaysia iaitu EPP9b sebagai salah satu sukan yang perlu diberi penekanan. Malahan pelancongan sukan golf dianggap sebagai satu pakej yang mensasarkan segmen pasaran pelancongan yang dianggap sebagai '*high yield*'. Pada tahun 2015, Malaysia telah dipilih sebagai 'Asia Best Golf Destination'. Pakej pelancongan ini dianggap sebagai produk pelancongan mewah.

Justeru itu WKN merupakan kawasan tumpuan kemudahan sukan golf di mana kebanyakan padang golf yang terbaik terletak di dalam WKN termasuk Kuala Lumpur Golf and Country Club (KLGCC), Royal Selangor Golf Club (RSGC), Saujana Golf Club (SGC) dan sebagainya yang menjadi tuan rumah kepada pertandingan bertaraf antarabangsa. Kebanyakan padang golf ini terletak di kebanyakan daerah di WKN. Oleh itu ia merupakan kluster pelancongan yang perlu dibangunkan dan ditambah baik secara bersama oleh pelbagai agensi dan PBT khususnya.



F1 Sepang Circuit



Shell Malaysia Motorcycle Grand Prix



Kuala Lumpur Golf Country Club

Pelancongan Rekreasi

WKN mempunyai 15 taman dalam bandar seperti Taman Botani Shah Alam, Taman Botani Kepong, Putrajaya Wetland, Taman Burung Kuala Lumpur dan sebagainya. Namun demikian tahap kemudahsampaian menggunakan pengangkutan awam khususnya ke kawasan rekreasi ini adalah di tahap yang rendah. Kawasan rekreasi ini adalah merupakan kawasan yang dikongsi bersama walaupun diurus oleh PBT yang berlainan.

Perancangan kemudahan sokongan seperti pengangkutan awam amnya perlu dilihat secara bersama oleh semua agensi dan PBT terlibat kerana kawasan rekreasi ini dikunjungi oleh pelbagai penduduk daripada pelbagai kawasan yang merentasi sempadan PBT dan ia perlu dihubungkan dengan kawasan tumpuan pekerjaan bagi menggalakkan gaya hidup yang lebih sihat di samping meningkatkan daya saing wilayah dalam aspek rekreasi.

5. Meningkatkan dan mempromosi pelancongan Mesyuarat, Insentif, Konvensyen dan Pameran (*Meetings, Incentives, Conventions and Exhibitions - MICE*)

Bandar di WKN berada di tempat ke-10 bandar persidangan ternama di Asia Pasifik dengan 900,000 pelancong perniagaan dan mampu menampung sehingga 100,000 pengunjung. Justeru itu pelancongan MICE juga berpotensi diketengahkan di peringkat sub bandar dengan skala pembangunan yang berbeza bagi mempertingkatkan tahap pelancongan sub bandar WKN.

Di Kuala Langat, pelancongan Bisnes dan MICE adalah kedua terbesar berasaskan perbelanjaan pelancongan iaitu RM6.65 bilion dari 8.5 bilion pada tahun 2013. Fasiliti dan kemudahan MICE kebanyakannya berada di dalam pusat bandar Kuala Lumpur. Pelancongan ini berpotensi diketengahkan di kawasan luar Kuala Lumpur, termasuk di hotel-hotel di kawasan persisiran pantai.

Implikasi pelancongan MICE ke kawasan luar Kuala Langat memerlukan hubungan pengangkutan yang baik dan pakej produk-produk pelancongan yang menarik.


MB1.2 Mempromosikan Kluster



Taman Botani Shah Alam



Bukit Nanas Kuala Lumpur



Pusat Konvensyen Putrajaya

Pendidikan

Kluster pendidikan adalah satu kluster yang memainkan peranan yang amat penting dalam pembangunan ekonomi. WKN mempunyai pusat pendidikan tinggi yang terbesar sekali di Malaysia merangkumi institusi pendidikan tinggi kerajaan dan IPT.

Sumbangan universiti dalam wilayah WKN adalah seperti di Rajah 3.16. Peranan universiti sebagai penjana dan penyebar pengetahuan dan inovasi perlu diperkembangkan di kalangan universiti-universiti utama dalam WKN termasuk universiti kerajaan yang diberi status universiti penyelidikan dan juga universiti swasta yang bertahap antarabangsa di dalam WKN.

Peranan ini sememangnya masih di peringkat awal

Peranan universiti dalam pembangunan adalah :

- a. Universiti sebagai pengguna. Kluster pendidikan mempunyai impak yang besar kepada ekonomi sesuatu kawasan dari segi bilangan pekerja dan nilai tambah; Pemangkin
- b. Universiti sebagai penjana dan pembekal tenaga mahir. Peranan ini adalah kepada semua kluster industri dalam WKN dan juga luar WKN; dan
- a. Universiti sebagai penjana dan penyebar pengetahuan dan inovasi kepada berbagai industri untuk diaplikasikan. Bagi kategori yang sudah mencapai tahap Universiti Usahawan (*Entrepreneurial University*), tugas-tugas ini juga menjadi sumber kewangan mereka melalui paten, lesen, '*industry spin-off*', taman R&D, inkubator, syarikat *start-up*, perkhidmatan konsultan dan lain-lain. Pembolehubah

Rajah 3.14 : Kluster Pendidikan Sedia Ada di WKN

Sumber: Kajian Rancangan Wilayah Konurbasi Nasional, 2017

Senarai universiti dan institusi pengajian tinggi yang tiada dalam rajah

SELANGOR

- Asia Pacific University of Technology & Innovation (Asia Pacific UTI)
- Manipal International University
- Binary University of Management & Entrepreneurship
- Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur
- Universiti MAHSA
- Asia Metropolitan University
- Asia School Of Business (ASB)
- Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
- Twintech International University College of Technology
- International University College of Arts and Science (IUCAS)
- City University College of Science & Technology (CUCST)
- Lain-lain

KUALA LUMPUR


- GlobalNxt University
- International University of Malaya Wales (IUMW)
- Meritus University
- Kolej Universiti Teknologi Antarabangsa
- Kolej Universiti Hospitaliti Berjaya
- Dan lain-lain

PUTRAJAYA

- University Malaysia of Computer Science and Engineering (UNIMY)

CYBERJAYA


- Universiti Islam Malaysia
- Entrepreneurship (BUME)
- Kolej Universiti Sains Perubatan Cyberjaya (CUCMS)



Rajah 3.15: Universiti Sebagai Pengguna
 Sumber: Kajian Rancangan Wilayah Konurbasi Nasional, 2017



Rajah 3.16: Universiti Sebagai Penjana dan Pembekal Tenaga Mahir
 Sumber: Kajian Rancangan Wilayah Konurbasi Nasional, 2017



di Malaysia dan juga di dalam WKN. Namun, terdapat beberapa universiti yang telah bergerak aktif di dalam beberapa bidang teknologi seperti berikut:

UPM

- Industri agro dan makanan
- Bioteknologi

Universiti TNB

- Tenaga boleh baharu

Universiti Teknologi


- Automasi
- Kejuruteraan
- Pengangkutan
- 'Advanced material'

Universiti Nottingham (Semenyih)

- Teknologi Hijau

Bagi menuju ke arah masa hadapan, WKN harus

Rajah 3.17: Taburan Universiti di Semenanjung Malaysia
 Sumber: Rancangan Fizikal Negara Ke-3, 2016



memperluaskan kluster pendidikan dengan menggalakkan pembangunan universiti usahawan di sekitar WKN.

i. Menggalakkan Pembangunan Universiti Usahawan (*Entrepreneurial University*)

Di negara-negara maju yang mempunyai ekonomi berasaskan pengetahuan (*knowledge based economy*) dan berteknologi tinggi, inovasi adalah pencetus utama bagi pembangunan. Dalam konteks ini, peranan universiti sudah pun berubah daripada satu institusi yang bergantung semata-mata kepada kerajaan atau pihak-pihak tertentu sebagai sumber kewangan kepada satu institusi yang dapat mempelbagaikan sumber kewangannya melalui aktiviti keusahawannya.

Dalam usaha untuk mencapai status negara maju, universiti-universiti dalam WKN harus juga meningkatkan sikap dan peranannya untuk mencapai status Universiti Usahawan. Selain itu, peningkatan Cyberjaya dari segi hab ICT kepada '*Global Technology Hub*' juga memerlukan bantuan dan kerjasama rapat dari Universiti-Universiti dalam WKN dalam lapangan ICT dan teknologi lain. (Rujuk 3.19)

Ciri-ciri Universiti Keusahawanan

- Mempunyai keupayaan tinggi dari segi inovasi;
- Dapat mengenal pasti dan mengambil peluang perniagaan melalui hubungan dengan pihak industri;
- Dapat mengenal pasti peluang yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan masyarakat umumnya;
- Mempunyai hubungan rapat dengan pihak industri dan juga agensi kerajaan dalam sistem inovasi tempatan (*regional innovation system*); dan
- Mempunyai pelbagai sumber kewangan.

AGENSI BERKAITAN

Agensi Melaksana

- Kerajaan Negeri
- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
- Perbadanan Putrajaya

Agensi Memantau


- Kementerian Pendidikan

Agensi Sokongan

- Kementerian Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar Malaysia
- Kementerian Sumber Manusia
- Pihak Berkuasa Tempatan
- Pihak Swasta
- PLANMalaysia@Selangor

Rajah 3.18: Contoh Universiti Usahawan

Sumber: Kajian Rancangan Wilayah Konurbasi Nasional, 2017



Cambridge, UK


- Universiti berasaskan sains di seluruh dunia;
- Satu kluster teknologi dan perniagaan yang berjaya dan terkenal di seluruh dunia berasaskan kerjasama antara pusat pendidikan tinggi dan industri;
- Taman Sains, pusat inovasi, tempat permulaan, perniagaan berteknologi tinggi tempatan dan cawangan perniagaan antarabangsa;
- '*Venture capitalist*', '*business angels*' dan '*social capital through internal connection*';
- '*Cambridge Enterprise*' – antara syarikat peralihan teknologi yang paling berjaya;
- Cambridge '*University Enterprise*' membina jambatan di antara beberapa organisasi yang aktif dalam '*Cambridge Ecosystem*'

Stanford

- Terletak di tengah-tengah '*Silicon Valley, Stanford Technology Ventures Program*' (STVP) adalah pusat keusahawanan di Universiti Stanford.
- Tumpuan STVP adalah sebagai pencetus pendidikan keusahawanan dalam lapangan teknologi tinggi.
- Tekanan adalah dalam lapangan teknologi hijau, kesihatan, teknologi maklumat. STVP bekerjasama dengan badan-badan seperti di seluruh dunia melalui '*Stanford Entrepreneurship Network*'


Rajah 3.19: Hubungan Rapat dengan Cyberjaya Global Technology Hub

Sumber: Kajian Rancangan Wilayah Konurbasi Nasional, 2017



Rajah 3.20: Universiti sebagai Sumber Pengetahuan, Inovasi dan Pembangunan

Sumber: Kajian Rancangan Wilayah Konurbasi Nasional, 2017



MB1.3: Membangunkan Kluster Logistik

Kluster logistik dalam WKN boleh dianggap sebagai satu-satunya kluster industri yang terpenting dalam pembangunan WKN. Ini adalah berfaktorkan peranan logistik sebagai pemboleh dan juga pemangkin pembangunan di dalam sesuatu kawasan terutamanya di dalam WKN.

WKN merupakan kawasan strategik yang menghubungkan pusat logistik utama di Malaysia. Ia memainkan peranan di peringkat ASEAN, Asia dan juga global. Infrastruktur logistik WKN terdiri daripada lapangan terbang dan pelabuhan laut yang disokong oleh pelabuhan darat, sistem rel dan lebuh raya.

AGENSI BERKAITAN

Agensi Melaksana

- Kerajaan Negeri
- Pihak Berkuasa Tempatan
- Malaysia Airports Holdings Berhad
- Pihak Berkuasa Pelabuhan

Agensi Memantau

- Kementerian Pengangkutan Malaysia

Agensi Sokongan

- PLANMalaysia @ Selangor
- Unit Perancang Ekonomi (EPU)
- Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)
- Lembaga Pembangunan Pelabuhan Malaysia (MIDA)

Prestasi Industri Logistik WKN Tahun 2016

- 40% daripada jumlah kargo laut 'throughput' di Malaysia adalah melalui pelabuhan Klang
- Pelabuhan Klang di tangga ke-12 terbesar di dunia
- KLIA menyumbang 77% daripada keseluruhan 'throughput' kargo udara di Malaysia
- Berdasarkan 'Logistic Performance Index (LPI) 2016' oleh Bank Dunia, Malaysia adalah di tangga ke-32 daripada 160 buah negara.



KLIA



Pelabuhan Klang



Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah

1. Mengintegrasikan Kluster Logistik Utama

Terdapat dua (2) kluster logistik utama di WKN iaitu Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Pelabuhan Klang.


KLIA Aeropolis

Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) telah mengemukakan satu rancangan untuk membangunkan 1,000 ekar tanah di KLIA bagi pembangunan KLIA Aeropolis. Tiga (3) Komponen utama di KLIA Aeropolis ialah:

- Kargo udara logistik (200 ekar);
- Taman Perniagaan dan Aviation (400 ekar); dan
- Pusat MICE dan hiburan (400 ekar).

Mitsui Outlet Park berkeluasan 44 ekar juga termasuk di dalam perancangan KLIA Aeropolis. Dijangkakan projek ini akan menarik pelaburan sebanyak RM17 bilion dalam jangka masa hanya lima (5) tahun sahaja.

2 Kluster Logistik Utama WKN




Pelabuhan Klang

Pada masa kini, Kluster Logistik ini mempunyai dua komponen utama iaitu pelabuhan (*West Port* dan *North Port*) dan '*Port Klang Free Zone*' (PKFZ). Selain daripada perkhidmatan berkaitan dengan fungsi pelabuhan yang mengurus barang-barang dan penumpang (di '*West Port Klang Cruise Centre*'), pelabuhan ini juga mempunyai kemudahan logistik lain seperti gudang-gudang.

Rajah 3.21 : Kluster Logistik Semasa WKN

Sumber: Kajian Rancangan Wilayah Konurbasi Nasional, 2017



Port Klang Free Zone (PKFZ) di Pulau Indah meliputi kawasan seluas 1,000 ekar ditubuhkan pada tahun 2004. PKFZ merupakan satu 'Regional Distribution Hubs' serta pusat logistik, industri pembuatan dan perdagangan. Sebagai kawasan perdagangan bebas, PKFZ menawarkan banyak insentif bagi pelabur termasuk bebas dari cukai import, berbagai subsidi dan lain-lain.

Selain dari industri-industri berkaitan logistik yang bertapak di kawasan pelabuhan dan PKFZ, banyak syarikat dalam kluster logistik seperti *Freight Forwarder*, Ajen Perkapalan, pembekal bermacam barangan, termasuk makanan, kelengkapan, perkhidmatan pembaikan dan penyelenggaraan, pembinaan berkaitan perkapalan dan lain-lain mempunyai pejabat di Pelabuhan Klang, Shah Alam dan Subang Jaya.

Perkembangan Masa Hadapan Kluster Logistik Perkapalan di Pulau Carey

Satu projek pelabuhan, industri logistik dan industri-industri berkaitan serta perumahan yang telah dicadangkan untuk di bina di Pulau Carey. Projek ini dilihat sebagai satu perkembangan yang besar bagi kluster industri logistik di Pelabuhan Klang dan industri-industri berkaitan. Kos projek ini termasuk infrastruktur berkaitan, dijangkakan menelan belanja sebanyak RM300 billion.

Menjelang tahun 2025-2030, kapasiti Pelabuhan Klang di *North* dan *West Port* akan mencapai tahap maksimum dan tidak dapat berkembang lagi. Oleh yang demikian, pembangunan Pulau Carey sebagai pelabuhan baru dan kluster logistik yang lebih besar merupakan satu langkah yang tepat.

2. Membentuk Struktur Kluster Logistik WKN


Sebagai Pengguna

Teras utama kluster logistik adalah beberapa syarikat yang menawarkan perkhidmatan berkaitan dengan industri penerbangan, pelabuhan, perkapalan, rel dan jalan raya. Selain daripada syarikat-syarikat yang menjadi teras dalam kluster ini, pelbagai lagi syarikat dan institusi wujud sebagai penyokong kepada syarikat-syarikat teras dalam kluster logistik.


Sebagai Penjual Perkhidmatan dan Pengasas Pembangunan (Pemboleh)

Industri logistik adalah asas utama bagi pembangunan kesemua kluster sektor lain di dalam WKN dan negara keseluruhannya. Industri logistik adalah tulang belakang bagi supply chain setiap industri. Tanpa industri logistik yang efisien, industri-industri yang lain tidak dapat berfungsi dengan berkesan dan berdaya saing di pasaran tempatan dan pasaran dunia.

Rajah 3.22: Struktur Kluster Logistik - Kluster Logistik Sebagai Pengguna



Sumber: Kajian Rancangan Wilayah Konurbasi Nasional, 2017



Menjadikan WKN sebagai Pusat Logistik Terulung di Asia dan Dunia

Satu industri logistik yang berintegrasi sepenuhnya dan efisien adalah menjadi satu daripada matlamat utama dalam pembangunan WKN dan negara keseluruhannya. Malah WKN bertujuan menjadi satu pusat logistik yang ulung bukan sahaja di Asia tetapi juga di peringkat global.

WKN akan menjadi tunggak utama dalam mencapai wawasan logistik negara iaitu Malaysia sebagai '*The preferred logistic gateway to Asia*' berdasarkan laporan '*Logistic and Trade Facilitation Masterplan*', EPU, 2015.

Rajah 3.23 : Kluster Logistik Sebagai Pemboleh bagi Pembangunan Pelbagai Sektor dalam WKN

Sumber: Kajian Rancangan Wilayah Konurbasi Nasional, 2017



Pelabuhan Klang

Jenis
Kluster
Industri
Utama

Makanan &
Minuman

Perkayuan

Barang Logam
dan alat
Pengangkutan

Elektrik dan
Elektronik


Barangan
Kimia

MB1.4: Memperkukuhkan Kluster Industri Pembuatan

Industri pembuatan akan terus memainkan peranan yang penting dalam pembangunan WKN secara umumnya. Ini terbukti daripada corak pembangunan guna tanah industri yang dilihat semakin meningkat dari tahun 2015 (3.7%) sehingga tahun 2020 (6.1%). Ini bermakna berlakunya peningkatan bilangan pekerjaan dan sumbangan KDNK dari industri pembuatan.

Rajah 3.24: Arah Pembangunan Industri Semasa (2015) dan Masa Hadapan (2020)

Sumber: Kajian Rancangan Wilayah Konurbasi Nasional, 2017



Perubahan Struktur Industri Dan Taburan Ruang Industri

Dua (2) jenis perubahan yang sedang berlaku di kluster industri pembuatan WKN iaitu :

- Jenis industri akan beralih dari industri berciri intensif buruh kepada industri yang lebih berteknologi tinggi terutamanya yang membangun di pinggiran Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Shah Alam, Klang dan Bangi.
- Taburan industri pembuatan akan berubah dari bandar-bandar besar kepada kawasan pinggiran seperti Pulau Indah, Pelabuhan Klang, Selayang, Sepang, Kajang, Ulu Langat, Nilai dan juga kawasan-kawasan lain di Negeri Sembilan terutamanya Labu yang terletak dalam Malaysia Vision Valley (MVV).

Pencetus utama pertukaran corak teknologi dan taburan ruang adalah kuasa pasaran iaitu kos tanah dan kos buruh. Perbezaan kos tanah industri dan kos tanah keseluruhan serta gradient kos tanah yang tinggi di antara kawasan Kuala Lumpur dan bandar-bandar di Petaling Jaya, Shah Alam dan Klang dengan kawasan pinggiran WKN memberi implikasi kepada kawasan bandar menjadi tidak lagi sesuai untuk dibangunkan sebagai kawasan industri. Faktor ini telah menyebabkan tanah-tanah industri di beberapa kawasan di Petaling Jaya telah ditukar menjadi tanah komersial seperti yang berlaku di Seksyen 14 dan 19 serta lain-lain kawasan di Petaling Jaya.

Proses ini juga amat ketara dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kegunaan tanah yang optimum di Kuala Lumpur adalah dengan cara meningkatkan nisbah plot bagi tanah komersial dan kediaman. Namun peningkatan nisbah plot bagi industri pembuatan amat terhad. Hanya industri ringan yang bernilai tinggi sahaja dapat ditempatkan dalam kilang yang bertingkat.

Rajah 3.25 : Struktur Kluster Logistik

Sumber: Kajian Rancangan Wilayah Konurbasi Nasional, 2017



Nota : Kluster Industri Pembuatan biasanya berasaskan satu produk utama yang berkaitan seperti perabot dan lain-lain barang kayu produk berasaskan minyak kelapa sawit, produk automotif, ICT dan lain-lain.

1. Merancang Strategi Guna Tanah Industri Pembuatan

Strategi industri WKN adalah dengan mengurangkan pembukaan tanah bagi aktiviti industri bahkan ia juga perlu menekankan pembangunan industri berteknologi tinggi. Kawasan yang tersedia bagi pembangunan sebaliknya perlu berfokus kepada aktiviti komersial dan kediaman bagi mencapai kepadatan pembangunan yang mampan serta bersifat berdaya saing di pasaran global.

2. Membentukkan Ekosistem Industri Dalam WKN

Walaupun industri pembuatan tidak lagi akan berkembang di bandar-bandar besar dalam WKN, namun industri-industri pembuatan di kawasan pinggir WKN di Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang barat akan terus bergantung kepada ekosistem industri di dalam WKN.

Ekosistem industri ini termasuk infrastruktur logistik (lapangan terbang, pelabuhan, jalan raya, rel ICT, pusat agihan, gudang dan lain-lain). Industri sokongan seperti industri penyelenggaraan, industri pembekalan, industri pengurusan, industri perkhidmatan profesional, informasi, latihan, pelajaran, R&D, reka bentuk, pengiklanan, pembinaan pekerja professional, teknikal dan mahir dan sebagainya yang menjadi asas utama untuk pembangunan industri di WKN serta industri pembuatan di negeri-negeri berjiran seperti Negeri Sembilan, Perak dan Pahang.

Pembentukan ekosistem industri di kawasan pinggir di luar WKN memerlukan masa yang panjang kerana industri perkhidmatan dan pembuatan sokongan serta sistem logistik yang menyeluruh dan cekap memerlukan '*critical mass*' yang hanya wujud di WKN pada masa kini.

Kawasan Industri Shah Alam



3. Menggalakkan Kerjasama dalam Memperkukuhkan Jaringan Ekosistem Industri WKN

Hubungan rapat di antara industri pembuatan dengan ekosistem sedia ada terutamanya di bandar-bandar utama dalam WKN memerlukan satu sistem kerjasama di antara PBT di dalam WKN dan juga PBT dari negeri-negeri berjiran serta Kerajaan Negeri terutamanya Negeri Sembilan, Selangor dan Wilayah Persekutuan. Memperkukuhkan jaringan di dalam ekosistem industri adalah asas perkembangan dan peningkatan daya saing industri pembuatan dalam WKN, Negeri Sembilan, Selangor utara, Perak dan Pahang barat.

Walaupun kuasa pasaran akan mempunyai pengaruh kuat di atas jenis dan lokasi industri pembuatan di dalam dan di kawasan pinggir WKN, namun kerjasama yang erat di antara negeri dan PBT dan polisi yang selaras dan jelas amat diperlukan untuk membina satu ekosistem industri di dalam WKN yang mampan dan berdaya saing.

AGENSI BERKAITAN

Agensi Melaksana

- Kerajaan Negeri
- Pihak Berkuasa Tempatan

Agensi Memantau

- Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Agensi Sokongan

- PLANMalaysia @Selangor
- Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)
- Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)

MB1.5: Memperkukuhkan Kluster Komersial (Perdagangan dan Kewangan)

Dalam aspek guna tanah, kluster perdagangan hanya menyumbang kepada peratusan kecil bagi keseluruhan WKN iaitu hanya 1.9% bagi tahun 2015 dan 3.8% anggaran bagi tahun 2020. Namun demikian, nisbah plot perdagangan adalah tinggi di kawasan WKN terutamanya di Kuala Lumpur.

AGENSI BERKAITAN

Agensi Melaksana

- Kerajaan Negeri
- Pihak Berkuasa Tempatan

Agensi Memantau


- Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Agensi Sokongan

- Lembaga Pembangunan Pelaburan
- Malaysia (MIDA)
- Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)

Rajah 3.26 : Taburan Komersial Semasa (2015) dan Masa Hadapan (2020)

Sumber: Kajian Rancangan Wilayah Konurbasi Nasional, 2017



Struktur dan Taburan Perdagangan

Struktur dan taburan spatial industri perdagangan berbeza dari segi jenis dan saiz di antara bandar-bandar dalam WKN. Bagi bandar Kuala Lumpur, kluster perdagangan tertumpu kepada jenis yang bertahap tinggi seperti :

- Ibu pejabat bank tempatan dan antarabangsa;
- Ibu pejabat syarikat insuran tempatan dan antarabangsa;
- Ibu pejabat atau pejabat wilayah bagi industri perkhidmatan dan pengurusan;
- Bursa saham;
- Industri perdagangan import dan eksport;
- Ibu pejabat dan cawangan industri perkhidmatan profesional termasuk pengurusan, pakar runding, arkitek, jurutera, peguam, periklanan dan sebagainya; dan
- Pasaraya beli-belah berskala besar yang memasar barang-barang fesyen berjenama antarabangsa.

Rajah 3.27 : Struktur Kluster Komersial

Sumber: Kajian Rancangan Wilayah Konurbasi Nasional, 2017



Aglomerasi Ekonomi

Industri di dalam kluster perdagangan WKN saling berhubung dan menyokong antara satu dengan yang lain. Perhubungan atau interaksi ini membentuk ekonomi aglomerasi. Ekonomi aglomerasi adalah berasaskan '*critical mass*' yang menjadi tunjang pasaran bagi produk-produk yang bergantung kepada pasaran berskala besar. Ia dapat menampung satu jumlah jualan yang besar serta menjamin keuntungan yang lestari. Ekonomi skala hanya dapat dicapai berdasarkan tahap penjualan dalam pasaran yang besar dan mendalam.

Oleh yang demikian, industri perkhidmatan tersebut dapat dibentuk dan berkembang di dalam bandar-bandar utama yang mempunyai bilangan penduduk yang tinggi serta mempunyai ekosistem perniagaan yang cekap dan canggih.

Di dalam konteks WKN, bandar Kuala Lumpur mempunyai ekosistem perdagangan yang lengkap dan kukuh untuk menyokong kluster perdagangan yang '*high end*'. Selain dari Kuala Lumpur, hanya Petaling Jaya yang mulai bercantum dengan Kuala Lumpur dari segi lokasi dan fungsi yang mempunyai ibu pejabat syarikat besar, bank, pusat beli-belah yang besar dan hotel-hotel empat (4) dan lima (5) bintang.

Kerjasama antara PBT

Bandar-bandar kecil dan sederhana dalam *tier 1* dan *tier 2* di dalam WKN dengan kerjasama antara PBT dapat mencapai satu integrasi spatial dan fungsi serta membawa manfaat kepada penduduk WKN. Integrasi fungsi merujuk kepada sesuatu kemudahan seperti stadium, hospital, universiti yang besar dan lengkap dapat dirancang dan dibina di tempat yang strategik bagi memberi faedah kepada penduduk bandar-bandar kecil dan sederhana yang berintegrasi melalui jaringan pengangkutan yang baik, lengkap dan kukuh.

Tidak semua bandar-bandar dapat disediakan dengan kemudahan seperti stadium dan hospital yang besar dan lengkap. '*Critical mass*' dapat dicapai melalui sistem integrasi, jaringan dan kerjasama antara bandar kecil dan sederhana.

1. Memperkenalkan Sistem '*Borrowed Size*' Melalui Integrasi Spatial dan Fungsi

WKN secara umumnya mempunyai struktur dan jaringan perbandaran yang kukuh dan saling berhubung antara satu sama lain terutamanya di kawasan Lembah Klang (di antara Kuala Lumpur dan Pelabuhan Klang). Struktur dan jaringan ini dapat diperkukuhkan dengan meningkatkan tahap perhubungan pengangkutan khususnya pengangkutan awam di antara bandar-bandar di dalam WKN.


Jaringan yang kukuh berasaskan mobiliti yang tinggi memberi peluang kepada bandar-bandar bersaiz kecil dan sederhana berkembang melalui '*borrowed size*' iaitu dapat menyediakan tahap perkhidmatan yang jauh lebih besar dan lebih tinggi berbanding dengan bilangan penduduk sedia ada. Ini berlaku akibat daripada bandar-bandar bersaiz kecil dan sederhana di dalam sistem jaringan bandar WKN dapat menjangkau pasaran perkhidmatan yang lebih besar. Contohnya, Subang Parade, Hospital Ramsay Sime Darby *Health Care* dan hotel bertaraf empat (4) dan lima (5) bintang di Subang Jaya menampung kawasan tadahan yang menjangkau Subang Jaya.

Peranan Pusat Bandar Kuala Lumpur

Walaupun bandar-bandar yang kecil dan sederhana dalam sistem bandar '*polycentric*', WKN dapat '*borrow size*' di antara satu sama lain melalui jaringan pemandaran yang efisien dan mencapai '*critical mass*'; pusat Bandar Kuala Lumpur akan terus menjadi tumpuan utama dalam WKN bagi kluster industri, perkhidmatan perniagaan kewangan dan professional yang bersifat '*high end*'. Ini adalah kerana ekosistem perniagaan di Kuala Lumpur jauh lebih lengkap dan mempunyai '*critical mass*' yang lebih kukuh dan menarik.

Pusat Bandar Kuala Lumpur akan terus menjadi tarikan utama bagi pelancong antarabangsa dan domestik kerana Kuala Lumpur mempunyai produk pelancongan yang banyak, pelbagai dan padat. Produk-produk pelancongan ini termasuk pusat membeli belah, makanan, hiburan, budaya, hotel dan lain-lain.

MB1.6: Membangunkan Kluster ICT dan Industri Teknologi Tinggi




Perkembangan Cyberjaya

Bermula dari tahun 1996 sehingga tahun 2013, tumpuan Cyberjaya adalah ICT. Rajah 3.28 menunjukkan pencapaian Cyberjaya sebagai bandar ICT pada tahun 2013. Namun demikian, berdasarkan 'The Global Technology Hub Blueprint' selepas tahun 2013, Cyberjaya tidak lagi tertumpu hanya kepada ICT tetapi turut berfokuskan kepada teknologi –teknologi lain seperti berikut:

5 Fokus Teknologi

5 Sub-Segmen Teknologi ICT




Sumber: CYBERJAYA Global Technology Hub Blueprint


Rajah 3.28 : Perkembangan Cyberjaya

Sumber: CYBERJAYA Global Technology Hub Blueprint


Bilangan Pekerja Berpendidikan




Keluasan Pejabat (meter persegi) & Pendudukan (%)



Populasi Pelajar



Bilangan Syarikat Beroperasi



NOTA: KPPT - Kadar Purata Pertumbuhan Tahunan

Blueprint Cyberjaya

Blueprint tersebut juga mengenal pasti pemboleh (Key Enablers) untuk membina suatu ekosistem yang menarik bagi pelabur-pelabur yang disasarkan. Ini termasuk tenaga manusia yang berbakat dan terlatih, infrastruktur, institusi R&D, insentif, pembiayaan jaringan industri sokongan, mudah capai kepada jalur lebar serta kemudahan sosial, rekreasi dan kualiti hidup yang menarik. 'Blueprint 2013' ini mensasarkan visi, misi, dan objektif Cyberjaya sebagai Hab Teknologi Global (HTG).

Tekanan atas kerjasama 'segi tiga' dan 'segi empat' antara agensi kerajaan, industri dan Universiti

Walaupun tidak secara eksplisit, HTG memberi tekanan kuat ke atas pentingnya meningkatkan kerjasama "segi tiga", iaitu antara agensi kerajaan, industri dan Universiti dalam WKN dan juga di luar WKN, untuk meningkatkan inovasi dalam sektor teknologi ICT dan bukan ICT. Strategi dan pelan tindakan bertujuan untuk memperkukuhkan lagi kerjasama ini bagi setiap lapangan teknologi.

1. Menggalakkan Inisiatif bagi Mencapai Kerjasama "segi tiga" atau "Segi Empat" yang Erat

Jelas dari segi menjana inovasi dan mencapai satu tahap dan corak pembangunan yang efisien, inklusif dan mampan, kerjasama di antara "segi tiga" atau "segi empat" yang membantu pihak kerajaan, industri, IPT dan rakyat amat penting. Malah kerjasama harus diwujudkan pada tahap :

- a. Antara tiga atau empat pihak tersebut (*triple atau quadruple helix*); dan
- b. Antara ahli di dalam setiap pihak iaitu di antara agensi-agensi kerajaan, syarikat-syarikat dalam setiap kluster atau sektor industri, antara IPT dan di kalangan badan-badan dan individu yang mewakili rakyat.


Rajah 3.29 : Visi, Misi dan Objektif Cyberjaya Masa Kini (sejak tahun 2013)

Sumber: CYBERJAYA Global Technology Hub Blueprint



Rajah 3.30 : Sistem Inovasi "Segi Tiga" ('Triple Helix Innovation System')

Sumber: Kajian Rancangan Wilayah Konurbasi Nasional, 2017



Bagi tahap (a), biasanya di negeri maju di mana persatuan kluster industri, wujud dan aktif, inisiatif kerjasama "segi tiga" atau "segi empat" diambil oleh persatuan kluster industri berkaitan, pihak Universiti Usahawan mahupun inisiatif permulaan kebanyakannya dicetuskan oleh agensi kerajaan dengan memberi bantuan dan galakan.

Rajah 3.31 : Impak Hab Teknologi Global kepada Sektor Industri Berkaitan

Sumber: CYBERJAYA Global Technology Hub Blueprint



Ini bermakna agensi kerajaan atau lain-lain pertubuhan kerajaan yang mengurus pembangunan sesuatu kawasan haruslah mempunyai struktur yang kukuh, tersusun dan mempunyai inisiatif dan objektif yang jelas dan menjalin hubungan yang rapat dengan pihak industri, universiti serta agensi mewakili rakyat (NGO dan lain-lain). Bagi tahap (b) biasanya inisiatif di ambil oleh persatuan-persatuan kluster industri, persatuan universiti dan persatuan mewakili rakyat.

Impak Hab Teknologi Global (HTG)

Aktiviti HTG di Cyberjaya adalah asas bagi pembangunan industri perkhidmatan dan pembuatan yang berteknologi tinggi dalam WKN dan juga di seluruh Malaysia.

Aktiviti dalam HTG ini akan memerlukan sokongan dari berbagai industri dari dalam dan luar WKN. ini bermakna HTG akan menjana impak yang kuat dalam pembangunan WKN. Malah HTG boleh dianggap sebagai satu daripada tunggak utama dalam pembangunan WKN.

• Pelaburan Pemangkin

Pelaburan utama dalam sektor industri teras akan menjadi pemangkin kepada pembangunan peluang perniagaan dan kawasan industri yang baru.

• Pemindahan Teknologi

Pelaburan asing akan memberi faedah kepada tenaga kerja dan perusahaan tempatan melalui pemindahan pengetahuan dan kepakaran secara langsung dan tidak langsung.

AGENSI BERKAITAN

Agensi Melaksana

- Kerajaan Negeri
- Pihak Berkuasa Tempatan


Agensi Memantau

- Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim (MESTECC)
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Agensi Sokongan

- Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)
- MIGHT

Rajah 3.32 : Lokasi Bandar dan Pusat Siber di WKN Pada Masa Kini
Sumber: Kajian Rancangan Wilayah Konurbasi Nasional, 2017




2. Menggalakkan Kerjasama "Segi Empat" 'Quadruple Helix'

Bagi lapangan teknologi yang mempunyai kesan secara langsung kepada masyarakat, kerjasama empat segi diperlukan. "Segi empat" adalah agensi bukan kerajaan yang mewakili penduduk tempatan. Kerjasama "segi empat" bagi mencapai dan melaksanakan inovasi di kalangan pengguna diperlukan di dalam bidang teknologi hijau dan bioteknologi.

Rajah 3.33 : Kerjasama Empat (4) 'Quadruple Helix' Segi Sistem Inovasi

Sumber: CYBERJAYA Global Technology Hub Blueprint



MB2 Memperkukuh Fungsi Pusat Bandar Sebagai Penjana Ekonomi Berdaya Saing


Di peringkat ASEAN Malaysia mendahului negara-negara ASEAN selain Singapura dalam aspek daya saing, perlindungan pelabur serta tenaga mahir. Kuala Lumpur pula dinilai sebagai mempunyai tahap kehidupan lebih tinggi berbanding bandar utama bandar-bandar di ASEAN yang lain.

Dalam konteks wilayah, WKN merupakan penyumbang utama kepada daya saing negara kerana ia merupakan penyumbang utama ekonomi negara iaitu 38% daripada KDNK negara pada tahun 2015.

Sebagai penyumbang utama daya saing negara, 40 buah bandar masa kini WKN dijangka akan terus menjadi penjana ekonomi utama sehingga tahun 2040. Ini adalah kerana komponen daya saing seperti aktiviti industri, perkhidmatan dan pendidikan adalah lebih tertumpu di kawasan bandar berbanding kawasan sub-bandar seperti pekan dan kampung-kampung. Bandar-bandar di dalam WKN perlu mengenal pasti kekuatan ekonomi dan kelebihan yang tersendiri kerana bandar-bandar ini terutamanya Kuala Lumpur menghadapi persaingan di peringkat global.

Rajah 3.34 : Hierarki Bandar 2020

Sumber: Kajian Rancangan Wilayah Konurbasi Nasional, 2017



MB2.1: Memperkukuhkan Daya Saing Bandar Melalui Pelaksanaan Pelan Induk Persaingan

40 buah bandar semasa di dalam WKN perlu diperkukuhkan kedudukan dan peranannya supaya lebih bersifat daya saing di dalam negeri dan juga di peringkat global.

Adalah dicadangkan keseluruhan bandar-bandar di dalam WKN ini mempunyai satu Pelan Induk Persaingan Utama yang dikawal selia di peringkat Wilayah dan juga di peringkat tempatan.

Pelan Induk Persaingan ini dinilai melalui penggunaan indeks seperti Indeks Bandaraya Global, '*Global Power Cities Index*', '*Liveable City Index*', '*Sustainable Cities Index*', '*Best Cities Index*' dan sebagainya.

Bandar Kuala Lumpur sebagai Bandar Raya Bertaraf Dunia dan Bandar Berdaya Huni

Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 (PSKL 2020) menekankan wawasan ke arah Bandar Raya Bertaraf Dunia. Oleh itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) perlu memastikan perancangan yang dijalankan ke arah matlamat ini.

Selain daripada itu Kementerian Wilayah komited untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai kota yang selesa didiami dan berdaya huni, seiring dengan pertambahan penduduknya.

Oleh yang demikian Kuala Lumpur perlu mempunyai Pelan Induk Daya Saing di peringkat global yang perlu dinilai dan dipantau setiap tahun seiring dengan sasaran WKN menjadikan bandar-bandar di WKN adalah lebih bersifat daya saing.

Bandar Putrajaya sebagai Bandar Rendah Karbon

Pada persidangan '*Fifteenth Session of the Conference of the Parties*' (COP15), Malaysia telah membuat komitmen bagi mengurangkan pelepasan karbon sehingga 40% daripada intensiti keluaran dalam Negara kasar (KDNK) menjelang tahun 2020 berbanding jumlah pada tahun 2005.

Putrajaya dan Cyberjaya sebagai bandar perintis dalam Teknologi Hijau merupakan contoh kepada pembangunan bandar-bandar lain. Justeru ini Perbadanan Putrajaya perlu memantau indeks Putrajaya sebagai Bandar Rendah Karbon di peringkat global setiap tahun.

Bandar Cyberjaya sebagai Bandar Global Teknologi Hab

Pembangunan Cyberjaya pada masa kini adalah berfokus kepada '*Global Technology Hub*' iaitu memupuk nilai inovatif dalam teknologi sebagai pemandu negara.

Teknologi merupakan bidang di luar spektrum yang menjadi sumber utama bagi memupuk pertumbuhan yang konsisten, menjana inovasi baru dan meningkatkan ekonomi pekerjaan dan sosial serta mewujudkan kemakmuran perniagaan di Malaysia dan di WKN khususnya.

Oleh yang demikian tahap daya saing bandar bagi Cyberjaya sebagai Bandar Global Tekonologi Hab perlu diketengahkan di peringkat global khasnya dan pembangunannya perlu dipergiatkan di peringkat tempatan dan dilaksanakan oleh agensi berkaitan dan juga Pihak Berkuasa Tempatan.



Bandar Cyberjaya

KLIA sebagai Bandar Aeropolis

KLIA Aeropolis dijangka menarik sumbangan produk domestik kasar (KDNK) sebanyak RM30 bilion dalam tempoh 15 tahun dan mewujudkan sebanyak 56,000 peluang pekerjaan. Ia akan melengkapkan perkhidmatan yang ditawarkan di lapangan terbang serantau yang lain.

Pembangunan KLIA Aeropolis adalah bagi meningkatkan negara ke status negara maju menjelang 2020 dan untuk menjadikan KLIA Aeropolis menjadi bandar udara bertaraf dunia berdasarkan piawaiannya yang tertentu.

KLIA Aeropolis ini memberi peluang membentuk satu lagi bandar berdaya saing di dalam WKN dan di peringkat global khususnya. Penilaiannya sebagai Bandar Aeropolis perlu dilaksanakan di peringkat tempatan dan di peringkat negeri sepanjang tahun bagi membolehkan KLIA bertapak sebagai salah satu Bandar Aeropolis bertaraf dunia.



Cadangan Pembangunan KLIA Aeropolis
Sumber: <http://convergence.malaysiaairports.com.my>

MB2.2: Mempertingkatkan Fungsi Bandar

Empat (4) jenis hierarki perbandaran di WKN iaitu Bandar Global, Bandar Negeri, Bandar Utama dan Bandar Tempatan. Hierarki perbandaran ini ditentukan berdasarkan kadar kependudukan sesuatu kawasan.

Namun bagi memastikan bandar-bandar di dalam WKN bersifat berdaya saing terutamanya dalam bidang ekonomi, fungsi setiap bandar ini adalah memainkan peranan yang penting. Fungsi-fungsi bandar ini perlu dikenal pasti di peringkat perancangan negeri dan perancangan tempatan.

Fungsi-fungsi bandar ini selanjutnya akan mencerminkan identiti sesuatu bandar. Oleh yang demikian penyelarasan fungsi bandar perlu bersama-sama diselaraskan di peringkat wilayah. Antara fungsi-fungsi yang boleh diadaptasikan bagi setiap bandar di dalam WKN adalah:

- Bandar Pelancongan Pantai;
- Bandar Eko Pelancongan;
- Bandar Bersejarah dan Warisan;
- Bandar Diraja;
- Bandar Aeropolis;
- Bandar Berteknologi Tinggi;
- Bandar Perindustrian;
- Bandar Pelabuhan; dan
- Bandar Pendidikan.

AGENSI BERKAITAN

Agensi Melaksana

- Pihak Berkuasa Tempatan
- Kerajaan Negeri

Agensi Memantau

- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Kementerian Wilayah Persekutuan

Agensi Sokongan

- Unit Perancang Ekonomi
- PLANMalaysia@Selangor

AGENSI BERKAITAN

Agensi Melaksana

- Pihak Berkuasa Tempatan
- Kerajaan Negeri

Agensi Memantau

- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Kementerian Wilayah Persekutuan

Agensi Sokongan

- Unit Perancang Ekonomi
- PLANMalaysia@Selangor

MB3 Memperkukuh Peranan Sub Bandar Sebagai Sokongan Pembangunan WKN yang Mampan

Kebergantungan Antara Bandar dan Sub Bandar di WKN

WKN terdiri daripada bandar dan sub bandar. 39.5% daripada keseluruhan kawasan WKN adalah kawasan bandar dan 60.5% merupakan kawasan sub bandar yang terdiri daripada kawasan pertanian dan kawasan alam semula jadi. Walaupun kadar urbanisasi WKN mencecah 96% pada tahun 2010 dan dijangka akan terus meningkat, namun kawasan sub bandar seperti pekan-pekan dan kampung-kampung perlu dikekalkan bagi mencapai keseimbangan pembangunan dinamik WKN.

Adalah jelas konsep hubungan bandar dan sub bandar meliputi interaksi spektrum yang luas yang merangkumi perhubungan kediaman-pekerjaan (pekerjaan, kediaman dan kemudahan), infrastruktur (jalan, rel, elektrik, air, telekomunikasi dan sebagainya), teritorial (koridor dan kluster pembangunan), kemudahan (rekreasi, kawasan lapang, landskap dan sebagainya), sumber (air, tenaga dan sebagainya) dan penggunaan (pengeluaran makanan, sisa pepejal dan sebagainya) yang merentasi sempadan pelbagai PBT.

Rajah 3.35 : Contoh Perhubungan Bandar dan Sub Bandar
Sumber: Kajian Rancangan Wilayah Konurbasi Nasional, 2017



Ketidakseimbangan Pembangunan Bandar dan Sub Bandar

Pembangunan bandar WKN adalah semakin berkembang dan mengakibatkan pertukaran guna tanah yang tinggi kawasan sub bandar. Corak perkembangan ini adalah tidak seimbang kerana berlakunya rebakan bandar. Rebakan bandar yang berlaku di WKN meningkat daripada 21% pada tahun 2006 kepada 40% pada tahun 2015 dengan kadar kepadatan yang semakin meningkat iaitu daripada 12 orang per hektar kepada 43 orang per hektar. Walaupun perebakan bandar berlaku namun terdapat beberapa bandar yang mengalami masalah kemunduran (*shrinking*) dalam aspek kependudukan, ekonomi dan fizikal bandar.


Kepesatan pembangunan bandar-bandar WKN dan peluang pekerjaan yang tinggi turut meningkatkan kadar migrasi penduduk bandar ke kawasan bandar yang lain. Kadar migrasi yang tinggi penduduk bandar ke kawasan bandar adalah tinggi di negeri Selangor iaitu sebanyak 94.2% pada tahun 2014 berbanding peratusan migrasi bandar ke sub bandar (luar bandar) iaitu hanya 5.8% sahaja. Ini adalah berikutan keperluan kemudahan penduduk lebih banyak disediakan di kawasan bandar. Kadar migrasi ini sedikit sebanyak meningkat jurang pembangunan bandar dan sub bandar (luar bandar).

Sebagai sebuah wilayah berdaya saing dan mampan, jurang pembangunan antara bandar dan sub bandar perlu diseimbangkan mengikut kesesuaian kriteria dan karakter bandar dan sub bandar. Antara strategi pembangunan yang boleh diambil bagi mengurangkan jurang pembangunan bandar dan sub bandar adalah melalui beberapa perkara :

1. Pembaharuan semula bandar;
2. Perancangan intensiti kawasan bandar;
3. Peningkatan tahap kemudahsampaian; dan
4. Pengekalan aset semula jadi dan mempromosi produk pelancongan.


Rajah 3.36 : Migran dalam Negeri Selangor mengikut aliran migrasi, tahun 2014-2015

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia, 2016



Rajah 3.37: Penurunan Penduduk Bandar

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia, 2016



PETUNJUK

- Bandar
- Sub Bandar
- Aset Hutan
- Kawasan Pertanian Sedia Ada
- Kawasan Tepu Bina Sedia Ada
- Kawasan Badan Air Sedia Ada
- Wilayah Konurbasi Nasional
- Sempadan Daerah
- Jalan Raya
- Landasan Kereta Api
- Sungai

Sumber :

1. Rancangan Fizikal Negara Ke-3, 2015
2. Dasar Perbandaran Negara Ke-2, 2015
3. Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara, 2016

Sumber : 1. Rancangan Fizikal Negara Ke-3, 2015
2. Dasar Perbandaran Negara Ke-2, 2015
3. Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara, 2016

MB3.1: Menggalakkan Pembaharuan Semula Bandar

Pembaharuan semula bandar di dalam WKN perlu diutamakan dalam membentuk pembangunan yang mampan. Pembukaan kawasan baru bagi pewujudan bandar baru perlu ditapis melalui galakan pembaharuan semula bandar.

Bandar-bandar WKN seperti Klang, Petaling Jaya, Semenyih, Selayang, Rawang, Gombak dan Puchong hendaklah diberi penekanan dan galakan pembaharuan semula bandar. Ini bukan sahaja dapat meningkatkan tahap keaktifan bandar-bandar malah turut meningkatkan imej serta tahap keselamatan bandar. Pembaharuan semula bandar yang terletak bersempadanan PBT perlu bersama-sama dibangunkan sebagai satu program transformasi bandar seperti Kuala Lumpur dan Petaling Jaya.

MB3.2: Menggalakkan Perancangan Berintensiti Mampan di Kawasan Bandar

Adaptasi pembangunan pintar (*smart city*) kawasan WKN perlu bermula dengan perancangan intensiti mampan kawasan bandar. Corak kepadatan pembangunan semasa WKN dilihat semakin menurun dan ini merupakan salah satu faktor berlakunya rebakan pembangunan yang melibatkan pertukaran guna tanah sub bandar.

Bagi mengurangkan jurang pembangunan bandar dan sub bandar, perancangan intensiti mampan menjadi salah satu keperluan pembangunan bandar WKN. Pelaksanaan intensiti mampan ini perlu diterapkan dalam Rancangan Tempatan (RT) di setiap daerah kerana ia lebih bersifat terperinci dalam perancangan sesuatu kawasan. Penyelarasan bersama dan ketelusan pembentukan RT antara kawasan bersempadanan perlu diterapkan di dalam perancangan pembangunan dan memelihara aset semula jadi WKN.

AGENSI BERKAITAN

Agensi Melaksana

- Kerajaan Negeri
- Pihak Berkuasa Tempatan

Agensi Memantau

- Kerajaan Negeri
- PLANMalaysia@ Selangor

Agensi Sokongan

- Unit Perancang Ekonomi
- PLANMalaysia@ Selangor
- Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia
- Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

MB3.3: Meningkatkan Tahap Kemudahsampaian ke Kawasan Sub Bandar

Tahap kemudahsampaian penduduk sub bandar adalah jauh lebih rendah berbanding penduduk di bandar WKN. Bagi mempromosikan kluster pelancongan WKN di mana kebanyakannya terletak di sub bandar, kerjasama antara PBT adalah sangat penting di dalam mempertingkatkan tahap kemudahsampaian terutamanya untuk pengangkutan awam penduduk sub bandar. Jurang pembangunan bandar dan sub bandar juga berfaktorkan kepada tahap kemudahsampaian yang menghubungkan sub bandar dan bandar dengan lebih efektif dan efisien. Melalui peningkatan kemudahsampaian, corak dan gaya hidup penduduk sub bandar terutamanya akan turut meningkat.

MB3.4: Mengekalkan Aset Semula Jadi dan Mempromosi Produk Pelancongan Sub Bandar


Aset semula jadi juga merupakan produk pelancongan sub bandar. Oleh yang demikian, pembangunan ekonomi sub bandar sangat berhubungkait dengan aset semula jadi WKN. Pengekalan aset semula jadi ini perlu bersama-sama dirancang dan diurus oleh pelbagai agensi dan PBT kerana ia merupakan salah satu aspek *common ground* WKN. Justeru itu kepentingan kawasan sub bandar dapat diketengahkan secara tidak langsung di dalam kawasan WKN dan bersama-sama menjadikan WKN sebagai wilayah mampan dan berdaya saing.

MB4 Menggalak Integrasi Spatial, Fungsi Dan Kerjasama Di Antara Wilayah

Peranan WKN adalah menjangkau sempadan wilayah di mana ia menjadi tumpuan utama dan sebagai wilayah kukuh yang menyokong koridor pembangunan di sekitarnya terutamanya di Negeri Sembilan iaitu Malaysia Vision Valley (MVV), koridor pembangunan di utara Selangor, Wilayah Perak Selatan (WPS) dan Pahang Barat. Perhubungan antara wilayah ini memerlukan satu sistem kerjasama di antara Kerajaan Negeri dan PBT di dalam WKN serta PBT dan Kerajaan Negeri di sekitar WKN. Kerjasama ini memainkan peranan penting bagi memastikan integrasi spatial dan fungsi antara wilayah dapat dipertingkatkan bersama.

Rajah 3.39 : Perhubungan Spatial dan Fungsi antara Wilayah

Sumber : Kajian Rancangan Wilayah Konurbasi Nasional, 2017



Pengaruh WKN Terhadap Kawasan Sekitar dalam Aspek Aktiviti Ekonomi

WKN mempunyai pengaruh kuat dari segi aktiviti ekonominya ke kawasan bersempadanan seperti MVV, WPS dan Pahang Barat atas faktor-faktor berikut:

- 1 Ekosistem industri sedia ada yang kukuh dan lengkap di dalam WKN.
- 2 Sistem logistik (lapangan terbang, pelabuhan, jalan raya, pengangkutan awam rel, pusat agihan, gudang, stesen pengangkutan awam utama dan lain-lain).
- 3 Industri pembuatan sokongan (komponen dan alat ganti, penyelenggaraan dan memperbaiki alat dan sebagainya).
- 4 Sistem Pentadbiran dan agensi-agensi Persekutuan dan Negeri Selangor.


MB4.1: Memperkukuhkan Perhubungan WKN terhadap Malaysia Vision Valley (MVV)

Arah Pembangunan MVV adalah seperti berikut:

- Industri pembuatan dan pelancongan dijangka akan berkembang pesat di MVV pada masa hadapan. Ini adalah berfaktorkan dorongan pasaran harga tanah industri yang jauh lebih murah daripada kawasan WKN. Pembangunan MVV juga disokong oleh kemudahsampaian yang sedang dan akan dibina kepada sistem logistik dan lain-lain eko-sistem industri.
- Pembangunan di Seremban, Nilai & Port Dickson adalah salah satu perancangan utama MVV dan Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045 yang akan diperkukuhkan memerlukan integrasi dalam aspek spatial dan fungsi antara dengan bandar-bandar di WKN

Rajah 3.40 : Perhubungan WKN-MVV

Sumber : Kajian Rancangan Wilayah Konurbasi Nasional, 2017



AGENSI BERKAITAN

Agensi Melaksana

- Kerajaan Negeri
- PLANMalaysia

Agensi Memantau

- Kerajaan Negeri
- PLANMalaysia

Agensi Sokongan

- Unit Perancang Ekonomi Negeri
- PLANMalaysia@Selangor
- PLANMalaysia@Negeri Sembilan
- PLANMalaysia@Perak
- Pihak Berkuasa Tempatan

MB4.2: Memperkukuhkan Perhubungan WKN bersama bahagian Utara Selangor dan Wilayah Perak Selatan

Kawasan pembangunan industri di utara Selangor iaitu di daerah Hulu Selangor dan Kuala Selangor dianggarkan akan bertambah sebanyak 53.8% pada tahun 2035. Perkembangan industri dalam kawasan ini jelas memerlukan sokongan eko sistem industri dalam WKN sebagai salah satu pemangkin ekonomi kedua-dua daerah ini.

Wilayah Perak Selatan merangkumi tiga (3) daerah yang bersempadan di bahagian selatan Negeri Perak iaitu Daerah Bagan Batuk, Daerah Muallim dan Daerah Hilir Perak. Perancangan Wilayah Perak Selatan adalah bertujuan bagi merangsang

pembangunan sosio-ekonomi secara holistik dan lestari. Industri termasuk industri automotif Proton City merupakan adalah satu fokus pembangunan wilayah ini ia memerlukan WKN sebagai sokongan sistem industri.

Perhubungan WKN terhadap Pahang Barat

Pembangunan industri di bandar-bandar seperti Bentong, Temerloh, Mentakab dan Jerantut memerlukan sokongan kuat dari ekosistem industri dalam WKN walaupun industri di bandar-bandar tersebut masih merupakan sumber dan intensif tenaga kerja.

AGENSI BERKAITAN

Agensi Melaksana

- Kerajaan Negeri
- PLANMalaysia

Agensi Memantau

- Kerajaan Negeri
- PLANMalaysia

Agensi Sokongan


- Unit Perancang Ekonomi Negeri
- PLANMalaysia@Selangor
- PLANMalaysia@Negeri Sembilan
- PLANMalaysia@Perak
- Pihak Berkuasa Tempatan

Rajah 3.41 : Fokus Pembangunan Wilayah Perak Selatan

Sumber : Pembentangan Kertas Kerja Majlis Perancang Fizikal Negara, 2014

Fokus Utama

- Pembangunan Logistik
- Pembangunan Industri
- Pembangunan Komersial Dan Pendidikan Bertemakan Eco-friendly



Fokus Utama

- Pembangunan Rekreasi Bertemakan Eko-Pelancongan Pembangunan Komersial Dan Pendidikan Bertemakan Eco-friendly

MB5 Memperkukuh Sistem Perbandaran dan Corak Pertumbuhan Spatial Wilayah

MB5.1: Memperkukuhkan Sistem Perbandaran Polycentric WKN Melalui Tier 1 dan Tier 2

Sistem perbandaran di dalam WKN adalah saling berhubung dan memerlukan antara satu dengan lain. Ia bersifat *polycentric* dengan perhubungan antara bandar ini membentuk wilayah metropolitan dengan kadar kependudukan melebihi 10 juta penduduk dan kadar urbanisasi 97.6% menjelang tahun 2040.

Sistem perbandaran WKN terbahagi kepada dua (2) kelompok perhubungan antara bandar iaitu tier 1 (perhubungan kukuh) dan tier 2 (perhubungan membangun). Kelompok tier 1 terdiri daripada bandar seperti berikut :

Tier 1

BANDAR UTAMA

1. Kuala Lumpur
2. Shah Alam
3. Petaling Jaya
4. Klang
5. Ampang Jaya
6. Subang Jaya
7. Selayang

BANDAR SOKONGAN

- | | |
|-----------------|---------------------|
| 1. Bandar Utama | 9. Kundang |
| 2. Kelana Jaya | 10. Batu Arang |
| 3. Gombak | 11. Rawang |
| 4. Sri Gombak | 12. Meru |
| 5. Ulu Kelang | 13. Kapar |
| 6. Selayang | 14. Puchong |
| 7. Sungai Buloh | 15. Pelabuhan Klang |
| 8. Kundang | 16. Serdang |
| | 17. Seri Kembangan |

Tier 1

Tier 1 merupakan koridor perhubungan bandar yang kukuh yang terletak di utara WKN. Ia terdiri daripada bandar-bandar utama yang bersifat separa linear dan bandar-bandar lain sebagai sokongan. Bandar-bandar utama ini pada awalnya dirancang sebagai bandar-bandar yang berasingan. Namun faktor daripada perkembangan spatial WKN, bandar-bandar ini telah bercantum antara satu sama lain dan bermirip satu bandar linear dengan terhakisnya koridor hijau di antara bandar-bandar.

Tier 2

Kelompok tier 2 merupakan bandar-bandar baharu dan sedang membangun. Tier 2 adalah terletak di selatan WKN. Bandar-bandar ini terdiri daripada :

Tier 2

BANDARUTAMA

1. Putrajaya;
2. Sepang;
3. Cyberjaya;
4. Kajang; dan
5. Bandar Baru Bangi.

BANDAR SOKONGAN

1. Sungai Pelek;
2. Semenyih;
3. Broga;
4. Jenjarom;
5. Banting;
6. Dengkil;
7. Beranang; dan
8. Morib.

Tier 2 ini berkembang ke arah selatan berfaktorkan perancangan spatial dan faktor pasaran. Faktor perancangan termasuk pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Putrajaya, Cyberjaya, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Dorongan faktor pasaran dan pembangunan adalah daripada kawasan tanah kosong yang luas dengan harga tanah yang lebih murah akan menjadi tarikan utama untuk pembangunan berbanding kawasan tier 1.

Selain daripada faktor perancangan dan pasaran beberapa faktor pengukuh seperti pembangunan lebuh raya, pengangkutan awam rel dan beberapa pembangunan mega juga merupakan dorongan perkembangan pembangunan ke arah selatan WKN. Berikut merupakan faktor pengukuh terdapat di kawasan selatan WKN:

- Pembangunan MRT;
- Pembangunan *High Speed Rail* (HSR);
- Pembinaan Aeropolis KLIA;
- Pembinaan Port City di Pulau Carey; dan
- Perkembangan Malaysia Vision Valley di Negeri Sembilan.

AGENSI BERKAITAN

Agensi Melaksana

- Kerajaan Negeri
- PLANMalaysia

Agensi Memantau

- Kerajaan Negeri
- PLANMalaysia

Agensi Sokongan

- Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor
- Pihak Berkuasa Tempatan

MB5.2: Mengenal Pasti Fungsi Bandar

Tier 1

Fungsi bandar dalam tier 1 adalah menyeluruh dan kukuh yang merangkumi :

- Perkhidmatan kewangan, pembuatan profesional, pelancongan dan lain-lain;
- Pembuatan;
- Logistik;
- Pentadbiran perniagaan; dan
- Pentadbiran awam.

Akibat daripada fungsi bandar yang berbeza-beza tahap pergerakan penduduk adalah tinggi. Oleh yang demikian, penyelarasan dalam memastikan kadar pergerakan penduduk dapat dikurangkan melalui pelbagai aspek perancangan seperti pembangunan pintar (*smart growth*), pembangunan bercampur dan pembangunan berintegrasikan pengangkutan awam (TOD). Penyelarasan bersama adalah penting antara pelbagai agensi dan PBT yang terlibat supaya lebih efisien di dalam mengurus pembangunan WKN.

Walaupun pertumbuhan tier 1 adalah kukuh, namun pembangunan dijangka akan terus berlaku di mana ia perlu lebih berfokus kepada perancangan dan pengawalan intensiti pembangunan. Ini adalah kerana melalui perancangan dan pengawalan intensiti, kegunaan tanah dan pengangkutan awam dapat dirancang dengan lebih berkesan.

Tier 2

Fungsi bandar-bandar di tier 2 pada masa kini adalah terhad dengan bilangan penduduk dan pekerjaan yang rendah dengan plot tanah yang lebih besar dan lebih murah berbanding tier 1. Berikut merupakan fungsi-fungsi yang dicadangkan bagi bandar-bandar di tier 2 :

Pembangunan Masa Hadapan

Pada masa hadapan fungsi-fungsi bandar di tier 2 mungkin akan bertambah dan dipelbagaikan mengikut kuasa pasaran dan polisi perancangan. Tetapi corak sistem *polycentric* harus dikekalkan.

Jadual 3.1: Fungsi Bandar di WKN

Sumber: PLANMalaysia, 2016

Bandar-bandar Utama	Fungsi
Putrajaya	Pentadbiran awam, perniagaan dan logistik
Cyberjaya	Industri, teknologi tinggi, ICT, pusat data, dan logistik
Sepang	Bandar sukan, bandar hiburan
Kajang	Pentadbiran, perniagaan
Sungai Pelek	Perumahan dan pelancongan pantai
Semenyih	Perumahan dan perniagaan
Broga	Perumahan, perniagaan dan pelancongan dan rekreasi
Jenjarom	Perumahan dan perniagaan
Banting	Perumahan dan pelancongan pantai
Bandar Baru Bangi	Pendidikan, industri pembuatan dan perumahan
Dengkil	Perumahan dan perniagaan
Beranang	Perumahan
Salak Tinggi	Perumahan dan perniagaan

Dua (2) cadangan pembinaan 'kluster logistik' yang akan membawa impak yang besar di dalam kawasan Selatan ialah :

- KLIA Aeropolis; dan
- Pulau Carey Port City.

Pembinaan KLIA Aeropolis akan membawa kesan besar kepada bandar Sepang dan lain-lain bandar sekelilingnya termasuk Salak Tinggi dan lain-lain. Ini adalah kerana sungguhpun KLIA Aeropolis akan menjana peluang pekerjaan yang tinggi, penyediaan perumahan adalah terhad akibat daripada faktor pencemaran bunyi.

Port City di Pulau Carey disasarkan dapat menyediakan kawasan perumahan yang besar bagi pekerja di pelabuhan yang dijangka akan berkembang menjadi jauh lebih besar daripada Pelabuhan Klang pada masa kini. Kesan limpahan berkemungkinan akan membentuk kepada pembangunan bandar kecil disekelilingnya seperti Jenjarom, Telok Panglima Garang dan Banting.

MB5.3. Mempromosikan Sistem Perbandaran Sebagai Polisi

AGENSI BERKAITAN

Agensi Melaksana

- Kerajaan Negeri
- PLANMalaysia

Agensi Memantau

- Kerajaan Negeri
- PLANMalaysia

Agensi Sokongan

- Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor
- Pihak Berkuasa Tempatan

Pembangunan Bandar

Sistem perbandaran yang '*polycentric*' saling berhubung antara satu dengan yang lain di dalam WKN perlu dikekalkan sebagai satu strategi dalam mencapai satu sistem perbandaran yang :

- Efisien;
- Inklusif; dan
- Mampan.

Efisien

Pada umumnya bandar yang berskala besar atau bersifat '*monocentric*' mencapai tahap keberkesanan

melalui aglomerasi ekonomi. Namun bandar-bandar yang berskala terlalu besar yang '*monocentric*' berpotensi berlakunya '*diseconomic*' skala akibat daripada peningkatan kos pengangkutan dan kemerosotan tahap kemudahsampaian dan masalah sosial seperti peningkatan kadar jenayah.

Sistem bandar bercorak '*polycentric*' yang mempunyai hubungan pengangkutan yang kuat dapat bermanfaat dari ekonomi skala tetapi pada masa yang sama meminimalkan peningkatan kos dan sosial disekonomi dan masalah kemudahsampaian.

Inklusif

Pembangunan inklusif mempunyai tiga (3) aspek iaitu:

- Pembangunan kawasan yang seimbang dari segi sosial dan politik.
Jaringan bandar di antara bandar dan sub bandar yang luas dan kukuh membina hubungan yang simbiotik dan lebih berintegrasi. Ciri ini dapat memaksimumkan kesan limpahan pembangunan dari pusat-pusat bandar ke kawasan sub bandar.

- Membantu pembangunan sub bandar.
Walaupun WKN merupakan satu kawasan perbandaran metropolitan 61.5% adalah kawasan sub bandar (luar bandar) terutamanya di kawasan Kuala Langat dan Ulu Langat yang masih mempunyai kawasan pertanian yang luas serta industri luar bandar dan kawasan eko pelancongan. Sistem perbandaran juga perlu menyokong pertumbuhan kawasan sub bandar terutamanya dalam aspek pengangkutan dan kemudahan penduduk yang lain. Perhubungan bandar dan sub bandar adalah kukuh amat perlu dari segi aspek penyediaan pasaran kepada produk penghasilan sub bandar dan sokongan tenaga kerja penduduk sub bandar.

- Penyediaan perumahan mampu milik
Bagi isu penyediaan perumahan mampu milik, sistem '*polycentric*' mempunyai kelebihan. Ini adalah berikutan daripada ruang tanah yang

AGENSI BERKAITAN

Agensi Melaksana

- Kerajaan Negeri
- PLANMalaysia

Agensi Memantau


- Kerajaan Negeri
- PLANMalaysia

Agensi Sokongan

- Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor
- Pihak Berkuasa Tempatan

Rajah 3.42: Corak Pertumbuhan Spatial

Sumber: Kajian Rancangan Wilayah Konurbasi Nasional, 2017




lebih luas dan harga yang lebih rendah di dalam dan di sekitar pusat bandar berbanding dengan bandar yang besar dan bersifat '*monocentric*'. Ini bermakna polisi mengintegrasikan tempat bekerja dan tempat kediaman dengan tujuan meminimalkan jarak perjalanan ke tempat bekerja terutamanya untuk pekerja yang berpendapatan rendah dan sederhana dapat dilaksanakan.

- dari jarak perjalanan ulang alik ke tempat kerja; dan Kemudahsampaian penduduk bandar ke kawasan hijau juga meningkat kualiti hidup serta kesihatan penduduk bandar dan meningkat kehidupan yang mampan.

Mampan

- Pembinaan bandar yang padat dapat memelihara kawasan hijau;
- Mengurangkan pencemaran dan kesesakan lalu lintas hasil

Rajah 3.43: Contoh Integrasi Fungsi Dalam Sistem Bandar *Polycentric*
Sumber : Kajian Rancangan Wilayah Konurbasi Nasional, 2017



Sistem bandar '*polycentric*' dalam WKN dapat mencapai matlamat efisien, inklusif dan mampan

EFISIEN

1. Memerlukan jaringan pengangkutan yang baik di antara pusat-pusat bandar bagi mencapai integrasi fungsi dan pengkhususan
2. Ekonomi aglomerasi melalui '*borrowed size*'
3. Integrasi tempat kerja dan kediaman mengurangkan jarak perjalanan berulang-alik ke tempat kerja

INKLUSIF DAN SEIMBANG

1. Kesan pembangunan dalam kawasan yang lebih luas
2. Integrasi ekonomi dan sosial yang lebih kukuh (simbiotik) di antara kawasan bandar dan sub-bandar
3. Penyediaan rumah mampu milik lebih mudah oleh kerana harga tanah yang lebih rendah

MAMPAN

1. Kawasan bandar yang padat perlu dilaksanakan untuk memelihara kawasan hijau
2. Mengurangkan kesesakan dan pencemaran alam sekitar
3. Kemudahsampaian penduduk kepada kawasan lapang dan hijau juga meningkatkan cara hidup mampan dan sihat